

Pasukan penyelamat menemukan seorang mangsa

Tragedi kepala air: 4 mangsa dikhuatiri lemas

OPERASI menyelamat dijalankan di Kampung Paya Jaras Hulu bagi mencari empat mangsa yang dikhuatiri lemas dalam kejadian kepala air di Sungai Gasi berhampiran Kem Tentera 502, Sungai Buloh, Selangor, semalam. - UTUSAN/ SHAIFUDDIN MOHD, NOR

KEJADIAN LEMAS 2018

18 FEBRUARI: Lima lelaki lemas di Sungai Muda dipercayai ketika cubaan lari daripada serbuan polis dalam operasi membanteras judi laga ayam di Kampung Padang Bukit Taman Permai, Kuala Ketil, Baling, Kedah.

18 FEBRUARI: Seorang muafaf, Muhammad Yusof Islam Abdullah, 28, ditemukan lemas di Pantai Lido, Johor Bahru, Johor.

17 FEBRUARI: Lima sekeluarga ditemukan lemas selepas mandi-manda di Pantai Kampung Tok Bali, Kelantan.

17 FEBRUARI: Tiga sekawan ditemukan lemas di Air Terjun Sungai Sendat, Hulu Yam Bharu, Hulu Selangor, Selangor.

16 FEBRUARI: Seorang pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Kijal ditemukan lemas ketika mandi bersama dua rakan lain di Pantai Penunjuk, Kemaman, Terengganu.

16 FEBRUARI: Seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun ditemukan mati lemas manakala adiknya kritikal selepas terjatuh ke dalam kolam di rumah datuknya di Kawasan Peindustrian Ringan Maju, Jelapang, Ipoh, Perak.

15 FEBRUARI: Seorang kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun ditemukan mati lemas di sungai di Kampung Simpang Empat, Tanjung Malim, Perak.

Oleh FARABI SAID AL JABRI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 19 FEB.

SEORANG pemandu lori bimbang bagaimana mahu memberitahu dua anaknya bahawa ibu mereka dikhuatiri lemas dalam kejadian kepala air di Sungai Gasi berhampiran Kem Tentera 502, Sungai Buloh dekat sini hari ini.

"Saya tidak tahu bagaimana hendak memberitahu dua anak saya mengenai kejadian ini," kata Mohd. Rizal Mat Desa, 31. Mohd. Rizal berkata, isterinya tiba di sungai itu kira-kira pukul 2 petang sebelum dia tiba di lokasi sama sejam selepas itu.

Menurutnya, ketika kejadian dia sempat berpaut di dahan pokok dan memegang tangan isterinya sebelum terlepas daripada genggamannya akibat arus deras.

"Saya sayangkan awak. Itu yang dia nyatakan kepada saya sebelum terlepas daripada geng-

gaman dan dibawa arus deras setinggi tujuh meter.

"Saya cuba untuk menyelamatkannya tetapi arus sungai terlalu deras namun tidak berjaya sambil melihat tangan isteri terkapai-kapai kelemasan," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Sementara itu, bapa saudara mangsa yang turut kehilangan isterinya dalam kejadian tersebut, Syamsul Azhar, 32, berkata, dia tidak menyangka percution sempena Tahun Baharu Cina menjadi igauan ngeri buat dirinya.

Kata beliau, isterinya, Jaleha Hashim, 53, turut lemas ketika cuba menyelamatkan diri selepas melihat arus deras ketika memancing di lokasi kejadian.

"Saya hanya sempat mencampakkan alat-alat pancing untuk naik ke atas namun dia tidak sempat melarikan diri selepas dibawa arus deras," katanya.

Dalam pada itu Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Superintenden S. Somu memaklumkan pihaknya menerima panggilan

kecemasan daripada orang awam sekitar pukul 6 petang, sebelum bergegas ke lokasi kejadian. "Kira-kira sembilan mangsa dihayutkan arus deras dan setakat ini, hanya tiga lelaki berjaya menyelamatkan diri dan telah membuat laporan polis.

"Kira-kira pukul 9.53 malam pasukan penyelamat berjaya menemukan seorang mangsa yang maut akibat lemas dan belum dikenal pasti identitinya. Kita sedang berusaha mencari empat lagi mangsa.

"Operasi mencari dan menyelamat masih diteruskan bagi mengesan dua lelaki termasuk seorang remaja dan dua wanita yang masing-masing dalam lingkungan umur 14 hingga 48 tahun," katanya.

Jelasnya, operasi mencari dan menyelamat mangsa melibatkan 60 orang melibatkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Rela.